

UMP wajibkan pelajar kuasai bahasa ketiga

KUANTAN: Penguasaan bahasa ketiga menjadi nilai tambah kepada graduan Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyebabkan mereka laris dalam pasaran pekerjaan khususnya di sektor perindustrian.

Berbeza dengan kebanyakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain yang hanya menekankan penguasaan bahasa kedua iaitu Bahasa Inggeris (BI), UMP mewajibkan pelajarinya mempelajari satu bahasa asing manakala BI sudah menjadi bahasa teras pengajaran di universiti itu.

Pelajar diwajibkan memilih satu daripada empat bahasa asing yang ditawarkan untuk pengajian selama dua semester iaitu bahasa Jepun, Jerman, Arab atau Mandarin.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela, berkata penguasaan bahasa ketiga amat membantu graduan mendapat pekerjaan kerana sebahagian besar majikan dalam sektor perindustrian di negara ini adalah pelabur asing.

"Oleh kerana UMP melahirkan graduan dalam bidang kejuruteraan, penguasaan bahasa asing dari negara yang maju dalam sektor kejuruteraan seperti Jerman dan Jepun, amat membantu pelajar sama ada ketika masih belajar atau selepas memasuki pasaran pekerjaan.

"Berdasarkan statistik graduan sulung UMP tahun lalu, daripada 364 graduan yang menerima diploma dan ijazah, lebih 90 peratus daripada mereka mampu mendapatkan pekerjaan dalam tempoh tidak sampai tiga bulan selepas menamatkan pengajian.

keyakinan majikan
 "Ia membuktikan MP kerana pelajar terhadap graduan Uasai bidang penga- tidak sekadar mengu- jian yang diikuti saja tetapi turut diterap- kan dengan elemen nilai tambah seperti penguasaan bahasa asing dan Kemahiran Insaniah (Soft Skill),"